

年中考试



UPSA 2025

学校试卷（五年级）

SET 4

- 国文/华文/英文/数学/科学
- 总共 5 份各校试卷
- 备有**完整**答案



FB PAGE: 优学教育分享

WEBSITE : www.youxue.com.my

CONTACT NUMBER: 013-482 0523

**Ujian Pertengahan Sesi Akademik 2025
Bahasa Melayu Tahun 5 [Pulau Pinang]**

Nama : _____ () Keputusan : _____ %
Kelas : 5 () T/tangan Ibu : _____
Bapa : _____

**Bahagian A
[10 markah]**

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. "Di manakah _____ membeli kasut sukan ini?" tanya Fahim kepada Faizal.
A. saya
B. kami
C. awak
D. kalian
2. Ibu menggoreng paha ayam itu sehingga _____.
A. lemau
B. hapak
C. busuk
D. garing

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3.
 - A. Udara di Bukit Fraser nyaman sungguh.
 - B. Sambutan hari lahir adik saya benar meriah.
 - C. Pakaian yang dijual di butik itu sekali mahal.
 - D. Masakan yang disediakan oleh ibu nian menyelerakan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Azmi seorang murid yang rajin belajar. Pada setiap petang, dia akan membaca buku bersama keluarga di rumahnya. Pada hujung minggu pula, dia akan mengulang kaji pelajaran bersama dengan rakan-rakannya.

Di sekolah, Azmi menyertai Persatuan Bahasa Melayu. Dia selalu mewakili sekolahnya dalam pertandingan bercerita dan bersyair. Dalam pertandingan tersebut, dia menjadi johan. Dia mewakili daerahnya ke peringkat negeri. Dia berasa amat gembira apabila menerima Anugerah Tokoh Nilam di sekolahnya.

4. Apakah yang dilakukan oleh Azmi pada setiap petang?
 - A. bersyair
 - B. bercerita
 - C. membaca buku
 - D. mengulang kaji pelajaran
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A. Azmi berasa gembira kerana menjadi johan pertandingan.
 - B. Azmi menduduki tempat pertama dalam pertandingan.
 - C. Keluarga Azmi menyertai pertandingan bercerita.
 - D. Azmi mewakili sekolahnya ke peringkat negeri.

6. Berikut ialah pencapaian Azmi berdasarkan petikan *kecuali*
- A. menerima Anugerah Tokoh Nilam.
 - B. menyertai Persatuan Bahasa Melayu.
 - C. mewakili daerah ke peringkat negeri.
 - D. menang dalam pertandingan bercerita dan bersyair.

Soalan 7 hingga 10


Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

Pada hujung minggu yang lalu, keluarga Haris telah melakukan beberapa aktiviti yang sangat menyeronokkan. Mereka memulakan hari dengan memasak sarapan bersama-sama. Ibu Haris turut merebus jagung susu yang digemari oleh keluarga.

Selepas bersarapan, mereka mengemas rumah. Kemudian, mereka pergi ke taman berdekatan untuk *beriadah*. Mereka membawa makanan dan minuman kegemaran. Setibanya di sana, ayah memilih untuk duduk di bawah pokok yang rendang. Adik dan Haris bermain buaian. Ibu dan ayah mengambil gambar. Haris dan keluarganya sangat gembira.

Bahan 2



7. Apakah yang dilakukan oleh keluarga Haris selepas makan?
- A. Berkelah
 - B. Bermain
 - C. Memasak
 - D. Mengemas

8. Ibu Haris turut merebus jagung susu yang digemari oleh keluarga.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris ialah

- A. biji.
 - B. ikat.
 - C. batang.
 - D. tongkol.
9. Perkataan *beriadah* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan
- A. berlibur.
 - B. berpesta.
 - C. berekreasi.
 - D. berseronok.
10. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A. Ayah duduk di tepi pokok.
 - B. Mengemas halaman rumah.
 - C. Adik bermain buaian bersendirian.
 - D. Meluangkan masa bersama keluarga.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hujan turun lebat semalam. Sepohon pokok kelapa tumbang dan terhempap rumah Pak Abu. Rumah Pak Abu hampir musnah dihempap pokok kelapa.

Penduduk Kampung Seroja bekerjasama untuk memperbaiki rumah Pak Abu. Encik Tan dan Encik Hassan menggergaji kayu dengan cermatnya. Farzin dan beberapa orang penduduk kampung mengangkat batu-bata yang berat. Tidak lama kemudian, rumah Pak Abu telah siap dibaiki. Pak Abu mengucapkan terima kasih kepada jiran-jirannya.

a. Sepohon _____ tumbang dan terhempap rumah Pak Abu.
[1 markah]

b. Apakah tujuan penduduk Kampung Seroja bekerjasama?

[2 markah]

c. Gariskan **satu kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Farzin dan beberapa orang penduduk kampung mengangkat batu-bata yang berat.

[1 markah]

- d. Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Encik Tan dan Encik Hassan menggergaji kayu dengan cermatnya.

Kayu digergaji oleh Encik Tan dan Encik Hassan dengan cermatnya.	
Kayu Encik Tan digergaji oleh Encik Hassan dengan cermatnya.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Ravi telah berjanji dengan sahabat baiknya, Nizam untuk menghadiri sambutan hari lahirnya pada hujung minggu ini. Namun, pada hari yang sama, ayah Ravi telah mengajaknya pulang ke kampung untuk menziarahi neneknya yang sedang sakit.

Jika kamu sebagai Ravi, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Di Dusun Datuk



1. Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.
